

Seludup barang larangan guna jalan laut, menyamar nelayan elak ditangkap

Sindiket dadah, ketum beralih laluan

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

KUALA PERLIS – Kegiatan penyeludupan di perairan negara terutama di Kuala Perlis dan Langkawi dijangka meningkat apabila sindiket dadah serta ketum dipercayai menukar laluan aktiviti haram mereka daripada melalui sempadan darat kepada jalan laut.

Sindiket terbabit dipercayai menukar laluan itu susulan kawalan ketat pasukan keselamatan negara di sempadan darat selepas empat kejadian tembakan berlaku sejak 12 November lalu.

Ia termasuk kes seorang anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) maut ditembak dalam kejadian berbalas tembakan dengan 13 penyeludup ketum dan ubat batuk di kawasan hutan berhampiran pos sempadan Malaysia-Thailand di sini pada 24 November lalu.

Dalam kejadian pada pukul 2.30 pagi itu, Sarjan Baharuddin Ramli, 54, daripada Batalion 3 PGA Bidor meninggal dunia di tempat kejadian, manakala Sarjan Norihan Tari, 39, parah.

Pengarah Maritim Malaysia (APMM) Kedah dan Perlis, Laksamana Pertama Maritim Mohd. Zawawi Abdullah berkata, pasukannya sentiasa bersedia dan terus mempertingkatkan rondaan di kawasan panas kegiatan penyeludupan dadah dan ketum.

"Sebenarnya kegiatan penyeludupan bukan sahaja berlaku di darat, malah di kawasan perairan negara. Sebelum ini kita berjaya membuat tangkapan serta rampanan dadah jenis ganja dan syabu selain daun ketum."

"Cuma apabila kawalan pasukan keselamatan di sempadan darat kini dipertingkatkan, kemungkinan besar cubaan penyeludupan melalui perairan pula



MOHD. ZAWAWI (dua dari kanan) menunjukkan syabu yang dirampas APMM pada sidang akbar di Langkawi baru-baru ini.

meningkat," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Kata beliau, selain Ops Benteng, APMM juga melaksanakan operasi khas iaitu Ops Eagle Eye bagi mengekang kegiatan penyeludupan dadah.

"Kita akan mempertingkatkan rondaan di lokasi panas seperti di Tanjung Rhu, Kubang Badak, Teluk Yu dan Pantai Pasir Hitam di perairan Langkawi, manakala di Kuala Perlis pula ialah Kuala Sungai Baru dan Kuala Sanglang.

"Kegiatan penyeludupan ketum biasanya berlaku di perairan Kuala Perlis, manakala dadah pula di perairan Langkawi," ujarnya.

Menurut Mohd. Zawawi, kawalan dan rondaan secara teliti termasuk mengenal pasti modus operandi sindiket terbabit juga penting dalam mengekang jenayah rentas sempadan.

"Ada sindiket yang memindah-



PASUKAN keselamatan berkawal di hadapan tembok sempadan Malaysia-Thailand di Padang Besar baru-baru ini. — SHAHIR NOORDIN

kan dadah dari bot ke bot di sempadan perairan dan ada juga yang mencampak dadah ke dalam laut sebelum diambil pihak lain. Mereka juga dikesan menggunakan 'sistem barter' di laut apabila penyeludup membawa keluar ketum ke negara jiran sebagai balasan untuk mendapatkan dadah seperti ganja.

"Malah, sindiket ini dipercayai menyamar sebagai nelayan tempatan dan menyembunyikan da-

dah di dalam bot," katanya.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan wujud kegiatan penyeludupan menggunakan 'sistem barter' di laut apabila penyeludup membawa keluar ketum ke negara jiran sebagai balasan untuk mendapatkan dadah seperti ganja.



KERATAN Kosmo! 27 November 2020.

"Kemungkinan juga ada deal antara penyeludup ketum dan dadah ini. Kebiasaannya penyeludup akan menghantar kira-kira satu tan daun ketum ke Thailand.

"Permintaan terhadap daun ketum di negara jiran sangat tinggi dan harganya mahal di sana," katanya.

Difahamkan, harga bagi sekilogram daun ketum di Thailand mencecah RM100 berbanding serendah RM10 di pasaran tempatan.

Mohd. Zawawi berkata, sejak Januari lalu, APMM merampas 61.5 kilogram (kg) syabu bernilai RM12.1 juta, 1,067kg ganja berjumlah RM3.2 juta dan 4,860kg daun ketum dianggarkan bernilai RM466,800 selain menahan lima suspek warga Indonesia di perairan Kedah dan Perlis.

Kosmo! pada 27 November lalu melaporkan, Komander Briged Utara PGA, Senior Asisten Komisioner Abdul Ghani Mohamad Ji berkata, polis mempertingkatkan kawalan di sepanjang sempadan negara dari Bukit Batu Putih, Kuala Perlis hingga Bukit Kayu Hitam, Kedah susulan empat insiden tembakan di kawasan itu sejak 12 November lalu.

Menurutnya, kawalan dan rondaan dilakukan secara bersepadu melibatkan seramai 314 anggota Batalion 3 PGA dengan tambahan lebih 200 anggota daripada Unit Udara, Unit Kendaraan Perisai, Unit Berkuda, Unit 69 Komando, Unit Tiger Platoon dan Unit Dron.